

## STRUKTUR NARATOLOGI DAN CITRA IBU DALAM CERITA LEGENDA *SI TENGGANG*, *SI MALIN KUNDANG*, DAN *NAKHODA MANIS*

MUHAMMAD IRFAN WAQUIUDDIN HASANUDIN  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[irwaqi98@gmail.com](mailto:irwaqi98@gmail.com)

MUHD NORIZAM JAMIAN\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[norizam@ukm.edu.my](mailto:norizam@ukm.edu.my)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan struktur naratologi dan citra ibu dalam cerita legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. Analisis struktur naratologi bagi ketiga-tiga legenda anak derhaka dilakukan bersandarkan skema aktansial utama yang diperkenalkan oleh A. J. Greimas. Dua objektif makalah ini adalah untuk menganalisis struktur cerita dan untuk menghuraikan citra ibu menerusi tiga buah cerita legenda yang masing-masing dari Malaysia, Indonesia dan Brunei iaitu legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. Dari segi metodologi, kajian ini berorientasikan kajian kepustakaan yang berteraskan kaedah kualitatif. Data kajian dibataskan kepada legenda *Si Tenggang* oleh Muhibah Ayob (1984), *Si Malin Kundang* oleh Dahsinar (1971), dan *Nakhoda Manis* oleh Haji Leman Ahmad (1990). Selain itu, kaedah analisis kandungan dan teknik bacaan rapi diguna pakai untuk menganalisis data. Hasil kajian mendapati bahawa legenda anak derhaka dalam cerita *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis* mempunyai struktur cerita yang berbeza. Meskipun ketiga-tiga legenda menunjukkan banyak ciri persamaan, namun terdapat beberapa perbezaan yang mengangkat identiti karya setiap negara. Hasil kajian juga menunjukkan citra ibu dalam legenda anak derhaka adalah seperti pasrah dengan ketentuan Tuhan dan imej wanita paling setia. Hakikatnya, setiap daripada kisah legenda ini mempunyai lambang kedudukan seorang ibu dalam institusi kekeluargaan bukan sahaja dalam budaya Melayu Nusantara bahkan juga dalam agama.

**Kata kunci:** anak derhaka; cerita rakyat; citra ibu; legenda; struktur naratologi

## NARATOLOGICAL STRUCTURE AND THE IMAGE OF THE MOTHER IN THE LEGENDARY STORY OF *SI TENGGANG*, *SI MALIN KUNDANG*, AND *NAKHODA MANIS*

### ABSTRACT

This paper discusses the narratological structure and image of the mother in the legendary stories of *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, and *Nakhoda Manis*. The analysis of the narrative structure of the three legends of the rebellious child is done based on the main actantial scheme introduced by A. J. Greimas. The two objectives of this paper are to analyse the structure of the story and to describe the image of the mother through three legendary stories from Malaysia, Indonesia and Brunei respectively, namely the legend of *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, and *Nakhoda Manis*. In terms of methodology, this study is oriented to a literature review based on qualitative methods. The study data is limited to the legend of *Si Tenggang* by Muhibah Ayob (1984), *Si Malin Kundang* by Dahsinar (1971), and *Nakhoda Manis* by Haji Leman Ahmad (1990). In addition, content analysis methods and careful reading techniques were adopted to analyse the data. The results of the study found that the legend of the rebellious child in the story of *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, and *Nakhoda Manis* has a different story structure. Although all three legends show many similarities, there are some differences that elevate the identity of each country's work. The results also show that the image of the mother in the legend of the rebellious child is like surrender to the provisions of God and the image of the most faithful woman. In fact, each of these legendary stories has a symbol of a mother's position in the family institution not only in the Malay Archipelago culture but also in religion.

**Keywords:** rebellious children; folk tales; mother's image; legendary stories; narratological structure

### PENGENALAN

Zaman kian berubah namun legenda Si Tenggang masih hidup subur dalam kalangan masyarakat Melayu. Kisahnya sering diperdengarkan sebagai amaran awal buat anak-anak agar tidak menderhaka kepada ibu yang banyak berjasa. Impaknya kisah Si Tenggang yang cukup popular di Malaysia sehingga ke hari ini masih dikenang sebagai wadah yang sesuai untuk menegur anak-anak dan menerapkan nilai-nilai moral (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh, 2021). Legenda *Si Tenggang* pada asalnya berdiri sebagai cerita lisan yang disampaikan oleh tukang cerita kepada masyarakat Tanah Melayu ketika itu. Kenyataan ini dapat diperkuat lagi dengan pendapat oleh Harun Mat Piah bahawa cerita rakyat secara ringkasnya hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan (Zalila Sharif, Jamilah Ahmad & Mariyam Salim, 2006). Khazanah kesusasteraan Melayu tradisional ini kekal malar segar dan mencerminkan kehebatan akal budi Melayu yang mengutamakan kebijaksanaan, keluhuran jiwa serta keindahan (Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris, 2019).

Lama kelamaan, cerita-cerita yang disampaikan secara lisan telah pun mengalami evolusi daripada bentuk lisan berubah menjadi bentuk bercetak dan asbab daripada itu jugalah cerita-cerita seperti *Si Tanggang* boleh disebarluaskan sehingga ke hari ini (Madiawati Mamat@Mustaffa & Arbaie Sujud, 2009). Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021) juga berpendapat hasil-hasil sastera yang telah disalin semula kemudian dicetak dan kini diterbitkan dalam bentuk animasi berjaya mendapat perhatian khalayak untuk menghayati dan mencerap kandungannya. Majoriti pengkaji sastera Melayu menyokong bahawa kisah *Si Tenggang* dikategorikan sebagai cerita rakyat naratif jenis legenda. Cerita legenda banyak memerihalkan peristiwa manusia yang ada kalanya memiliki sifat-sifat luar biasa dan dibantu oleh kuasa atau makhluk ajaib. Cerita legenda ini diyakini benar-benar berlaku namun tidak dianggap suci oleh masyarakat dahulu. Legenda di Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok besar dengan beberapa pecahan kecil; legenda orang perseorangan, legenda nama-nama tempat, dan legenda memorat. Kemunculan cerita legenda ini dirakamkan untuk mengangkat seseorang tokoh atau berpandukan peristiwa penting oleh seseorang yang dikenali. Kisah legenda ini diabadikan sebagai teladan buat masyarakat ketika itu dan juga generasi seterusnya. Legenda *Si Tenggang* merupakan satu daripada legenda Melayu tradisional yang cukup popular (Zalila Sharif, Jamilah Ahmad & Mariyam Salim, 2006). Menariknya, negara jiran sekitar Malaysia seperti Indonesia dan Brunei juga mempunyai legenda yang secara kasarnya memiliki jalan cerita senasib *Si Tenggang* iaitu *Malin Kundang* (Indonesia) dan *Nakhoda Manis* (Brunei).

Dari sudut perbincangan pengkaji sastera tempatan dan luar negara, legenda-legenda popular ini sering mendapat perhatian untuk dikupas daripada pelbagai aspek. Abdul Halim Ali (2011) memfokuskan puisi *Si Tenggang* nukilan Muhammad Haji Salleh. Namun hasil penelitian beberapa kajian lepas, perbincangan watak ibu dalam ketiga-tiga legenda tidak mendapat perhatian setakat ini berbanding watak anak yang derhaka itu. Di samping itu, rata-rata penelitian citra ibu atau wanita dalam kesusasteraan Melayu moden sering diangkat sebagai isu utama berbanding kesusasteraan Melayu tradisional. Muhd Norizam Jamian dan Nursyaza Ilyana Shahrudin (2020) memfokuskan ciri-ciri kepimpinan wanita dalam novel *Matriark* karya Samsiah Mohd Nor.

Selain itu, pengaplikasian teori struktur naratologi oleh A. J. Greimas kurang mendapat perhatian khasnya pengkaji sastera tempatan berbanding pengkaji sastera di Indonesia. Setakat ini di Malaysia, Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin (2021), telah menerapkan pendekatan ini untuk mengkaji struktur cerita *Bawang Putih Bawang Merah* versi Malaysia dan Indonesia. Sebaliknya di Indonesia, Aulia Sari Torodji (2018), memilih untuk menerapkan pendekatan oleh A. J. Greimas dalam membincangkan perbandingan struktur cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* dengan dongeng dari negara Jepun *Komebukuro Awabukuro* manakala Ahmad Shidqi Kamil Basili (2015) telah memantapkan penulisan tesis beliau menerusi teori struktur naratologi dalam cerpen *Shuten Douji*.

### **SOROTAN KAJIAN**

Setelah menelaah dan menyoroti beberapa buah kajian lepas, terdapat tiga fokus yang menjadi tunjang utama; cerita legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*, pendekatan struktur naratologi yang digagaskan oleh A. J. Greimas, dan citra ibu dalam teks-teks sastera. Kajian mengenai cerita rakyat bertemakan anak derhaka ini

lazimnya mendapat perhatian para pengkaji tempatan dan Indonesia. Sehubungan dengan itu, penemuan kajian-kajian lepas ini bakal dikupas setiap satunya kemudian akhir sekali dirumuskan untuk memberikan justifikasi terhadap permasalahan kajian.

Abdul Halim Ali (2011), telah melihat sudut pandang positif watak ‘anak derhaka’ menerusi makalah beliau “Sajak *Pulang Si Tenggang* dalam Perspektif Historisisme Baru”. Analisis kajian mendapati penciptaan sajak tersebut adalah untuk menyampaikan kisah anak Melayu yang merantau dan masih mengekalkan jati diri negara. Hal ini sekali gus dapat mengubah perspektif masyarakat yang sedia maklum mengenali watak Tenggang sebagai watak yang terkutuk bahkan telah dikutuk dengan pelbagai sumpahan (mengikut versi tertentu). Penulisan beliau memfokuskan kisah Tenggang dalam bentuk puisi bukannya bentuk asal yang bakal dibincangkan.

Selanjutnya, bagi kajian-kajian yang bersandarkan pendekatan struktur naratologi oleh A. J. Griemas sebahagian besarnya dirujuk oleh pengkaji sastera Indonesia. Pendekatan ini masih kurang diguna pakai oleh pengkaji tempatan. Setakat ini, Muhammad Irfan Waquiuddin (2021), pengkaji tempatan yang menerapkan pendekatan ini dalam penulisan ilmiahnya. Penulisan “Cerita Rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya & Struktur Naratologi” bertujuan untuk menganalisis struktur cerita kemudian mencari titik persamaan dan perbezaan latar budaya. Tahun-tahun sebelumnya, pengkaji sastera Indonesia sudah tidak asing dengan pendekatan yang digagaskan oleh A. J. Griemas. Ahmad Shidqi Kamil Basili (2015) mengerjakan penulisan tesis beliau yang bertajuk “Struktur Naratif Dongeng *Shuten Douji* dalam *Kumpulan Cerpen Sekai Douwa Bungaku Zenshuu* (Melalui Pendekatan Teori Strukturalisme Naratologi A. J. Greimas)”. Aulia Sari Torodji (2018) pula menampilkan hasil penulisan tesis beliau “Perbandingan Struktur Cerita Dongeng Indonesia *Bawang Merah dan Bawang Putih* dengan Dongeng Jepun *Komebukuro Awabukuro*”. Sebuah kajian yang memperlihatkan struktur cerita rakyat yang hampir sama di Indonesia dan Jepun.

Bagi isu citra ibu dalam kesusasteraan Melayu, Muhd Norizam Jamian dan Nursyaza Ilyana Shahrudin (2020) ada mengusahakan penulisan artikel “Kepimpinan Wanita dalam Novel *Matriark* Karya Samsiah Mohd Nor”. Teori kepemimpinan transformasi yang diasaskan oleh Burns (1978) dan Bass (1990) diterapkan untuk ciri-ciri kepemimpinan yang membentuk imej wanita sebagai pemimpin dalam novel *Matriark*. Berdasarkan keempat-empat dimensi; karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual berhasil mengangkat keunggulan wanita yang juga sama hebat dalam mentadbir sesebuah organisasi pimpinannya.

Berdasarkan kupasan kajian-kajian lepas, legenda anak derhaka popular seperti *Si Tenggang* (Malaysia), *Si Malin Kundang* (Indonesia), dan *Nakhoda Manis* (Brunei Darussalam) jelas mendapat perhatian para pengkaji tempatan mahupun luar negara. Setakat ini rata-rata pengkaji lebih tertarik pada watak Tenggang termasuklah dalam genre prosa dan puisi. Namun begitu, citra ibu dalam kisah-kisah anak derhaka belum dibincangkan lagi. Selanjutnya, pengaplikasian pendekatan struktur naratologi oleh A. J. Greimas boleh dikatakan masih kurang diterapkan berbanding di negara Indonesia. Kajian-kajian yang berkaitan dengan ibu ataupun watak ibu sebahagian besarnya melibatkan karya sastera seperti novel dan cerpen sedangkan cerita rakyat jenis legenda masih belum diterokai oleh mana-mana pengkaji lima tahun kebelakangan ini. Watak Tenggang tidak akan berkesan sekiranya watak Ibu tidak memainkan peranan yang cukup hebat dan Ibu

jugalah menjadi asbab anak derhaknya dijadikan teladan sehingga ke hari ini. Ini jelas memperlihatkan citra Ibu juga membawa impak dalam keseluruhan legenda popular ini. Sehubungan dengan itu, makalah bersepakat untuk menganalisis struktur naratologi legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, *Nakhoda Manis*. Kemudian membincangkan citra ibu dalam cerita legenda anak derhaka sebagai tunjang keseluruhan cerita.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kualitatif sangat sesuai diterapkan memandangkan kaedah ini berupaya memperoleh kefahaman yang mendalam bagi sesuatu perkara yang dikaji (Marohaini Yusoff, 2001). Kajian ini berteraskan kaedah kualitatif yang terbahagi kepada kaedah keputustakaan dan analisis kandungan.

Melalui kajian keputustakaan, bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) dan laman-laman dalam talian berautoriti menjadi rujukan tambahan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian. Menerusi kaedah ini, informasi diperoleh berkaitan dengan legenda popular yang bertemakan anak derhaka, pendekatan struktur naratologi dan kajian-kajian sebelum yang memfokuskan citra ibu dalam kesusasteraan Melayu akan lebih jelas.

Seterusnya kaedah analisis kandungan tiga bahan utama iaitu legenda *Si Tenggang* oleh Muhibah Ayob (1984), *Si Malin Kundang* oleh Dahsinar (1971), dan *Nakhoda Manis* oleh Haji Leman Ahmad (1990). Ketiga-tiga bahan primer diperlukan untuk mengumpul, menyaring, dan menganalisis data menerusi teknik bacaan rapi. Kemudian, data-data tersebut diperjelas dalam penulisan yang bersandarkan pendekatan struktur naratologi dan citra ibu.


### **Pendekatan Struktur Naratologi**

Struktur Naratologi secara konseptualnya memfokuskan cerita dan penceritaan dalam sesebuah teks sastera (Ratna, 2004). Lazimnya, sesuai diterapkan dalam cerita-cerita rakyat kerana mempunyai ciri-ciri yang menepati tujuan asal pendekatan ini diperkenalkan. Pembikinan pendekatan ini melibatkan dua orang tokoh ilmuwan yang bermula dengan Vladimir Propp dan Claude Levi-Strauss. Kemudian, konsep struktur naratologi diperkembangkan lebih luas berpandukan idea dua tokoh akademik tersebut mengikut gaya dan pegangan beliau.

A. J. Griemas mengemukakan dua bahagian struktur teks naratif kepada struktur luar dan dalam. Struktur luar lazimnya dianggap sebagai peringkat penceritaan manakala struktur dalam pula terbahagi kepada peringkat naratif dan diskursif. Peringkat naratif dapat difahami menerusi model aktan dan fungsional. Kemudian, peringkat diskursif memerihalkan hubungan atau perkaitan antar aktan. Hubungan yang dimaksudkan ialah pasangan aktan, oposis (penentangan) aktan, dan hubungan yang lain terjadi antara aktan-aktan tersebut (Susanto 2011: 126).

Aktan menekankan pada peranan yang menjiwai dan membangun unsur naratif cerita. Aktan ditentukan oleh hubungan dan fungsi yang digerakkan oleh tokoh cerita dalam membangun konfigurasi struktur naratif cerita. Aktan dan watak tidaklah sama.

Aktan ialah pelaku suatu tindakan. Watak pada hakikatnya dapat memegang beberapa peranan daripada aktan dalam suatu sintaksis naratif. Satu peranan aktan dapat dilakukan oleh beberapa watak sekali gus kerana aktan ialah penggerak bagi sesuatu tindakan, aktan ini juga boleh terdiri daripada selain tokoh, melainkan satu konsep yang abstrak, tokoh yang tidak bernyawa, senjata pusaka, dan sejenis yang terdapat dalam sebuah cerita naratif (Susanto, 2011: 127). Aktan dalam Teori Greimas memiliki enam fungsi, iaitu subjek (*subject*), objek (*object*), pengirim (*sender*), penerima (*receiver*), penolong (*helper*), dan penentang (*opposant*). Jika disusun dalam sebuah skema dapat digambarkan sebagai berikut:



RAJAH 1: Skema Aktansial A. J. Greimas (Ratna, 2004)

Pengirim (*sender*) ialah seseorang atau sesuatu yang menggerakkan cerita. Objek (*object*) ialah seseorang atau sesuatu yang diinginkan dan dicari oleh subjek (*subject*). Subjek (*subject*) adalah seseorang atau sesuatu yang mendapat tugas daripada pengirim (*sender*) untuk menemukan dan mengambil objek tersebut. Penentang (*opposant*) adalah seseorang atau sesuatu yang menghalangi usaha subjek untuk mendapatkan objek yang dicarinya. Penolong (*helper*) adalah seseorang atau sesuatu yang akan mempermudah usaha subjek untuk mendapat objek. Penerima (*receiver*) adalah seseorang atau sesuatu yang menerima objek (*object*) hasil pencarian subjek (*subject*).

Arah panah dalam skema menjadi unsur penting yang menghubungkan fungsi masing-masing aktan. Tanda panah daripada pengirim (*sender*) yang mengarah pada objek (*object*) bermaksud bahawa pengirim (*sender*) ada keinginan untuk mendapatkan objek (*object*). Tanda panah dari objek (*object*) kepada penerima (*receiver*) bermaksud bahawa sesuatu yang dicari subjek atas keinginan pengirim (*sender*) diberikan kepada penerima (*receiver*). Tanda panah daripada penolong (*helper*) ke subjek (*subject*) bermaksud bahawa penolong (*helper*) memberikan bantuan kepada subjek (*subject*) yang kesusahan dalam mendapatkan objek (*object*). Tanda panah daripada penentang (*opposant*) ke subjek (*subject*) menunjukkan bahawa penentang (*opposant*) menghalangi usaha subjek (*subject*) untuk mendapatkan objek (*object*). Tanda panah daripada subjek (*subject*) yang mengarah


ke objek (*object*) menunjukkan bahawa subjek (*subject*) mencari objek (*object*) atas keinginan pengirim (*sender*) (Permatasari, 2009).

Setiap teks naratif yang diteliti menerusi pendekatan ini akan menghasilkan beberapa skema aktansial (bergantung pada hubungan aktar aktan yang dijumpai). Kemudiannya akan mewujudkan satu skema aktansial utama yang akan merumuskan peranan setiap aktan bagi keseluruhan teks naratif. Selanjutnya, penelitian hubungan aktar aktan juga boleh dipersembahkan menerusi skema fungsional jika berkehendak memperlihatkan naik turun sesebuah cerita. Namun begitu, penulisan kali ini hanya akan memfokuskan struktur luar yakni peringkat naratif yang melibatkan model aktan yang menghasilkan tiga skema aktansial utama.

### STRUKTUR NARATOLOGI LEGENDA *SI TENGGANG*, *SI MALIN KUNDANG*, DAN *NAKHODA MANIS*

Dalam skema aktansial, A. J. Greimas mengaplikasikan aktan-aktan (pengirim, objek, penerima, subjek, penolong, dan penentang) setiap skema untuk mencari perkaitan skema-skema yang berjaya diteliti. Hasilnya akan membentuk satu skema aktansial utama sekaligus menghuraikan struktur naratologi bagi setiap cerita yang dikaji. Hal ini juga akan diimplementasikan bagi legenda popular ini; *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. Peranan skema aktansial utama pula akan menterjemahkan struktur penceritaan secara holistik.

Sehubungan dengan itu, berikut merupakan skema aktansial utama bagi legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*.



RAJAH 2: Skema Aktansial Utama Legenda *Si Tenggang*

Secara holistiknya, legenda *Si Tenggang* berkisarkan seorang anak muda yang mempunyai cita-cita besar (pengirim). Tenggang (subjek) ingin mengubah nasib (objek) keluarganya daripada terus menjadi miskin dan hidup nomad di samping beberapa kepercayaan yang tidak difikirkan tidak logik. Nasibnya berubah apabila dia ditangkap

oleh sekumpulan anak kapal Helang Segara. Kejadian tersebut menyebabkan dia dipaksa untuk berkhidmat sebagai anak kapal Helang Segara. Atas kerajinannya (penolong), Nakhoda Jaya menyukainya dan menganggapnya sebagai orang kuat yang bakal menggantikan kedudukan dia kelak. Lama kelamaan, kehidupannya bertambah bahagia (penerima) apabila dia berkahwin dengan Puspa Sari, anak tuan kapal Helang Segara (Saudagar Biram). Kemewahan yang dikecapi tidak bertahan lama apabila dia tidak mengakui ibu bapanya (penentang) saat melabuh di kampung halamannya. Akhirnya, kapal milik Tenggang tenggelam ke dasar laut termasuklah Tenggang. Oleh itu, beberapa petikan cerita *Si Tenggang* untuk memperkuat lagi jalan cerita berdasarkan skema aktansial utama tersebut.

Sejak berpindah ke tempat yang baharu itu, Tenggang banyak menghabiskan masanya membuat sebuah perahu daripada batang pokok pulai. Dia bercita-cita hendak pergi merantau ke tempat lain pada suatu hari nanti (Muhibah Ayob, 1984: 7).

Tenggang belum pernah melihat kapal yang sebesar dan secantik itu. Dia mendayung lagi untuk hampir kepada kapal itu. Tiba-tiba, anak-anak kapal Helang Segara mengepung dan menangkap Tenggang. Kemudian, mereka menghembangkannya ke geladak kapal itu (Muhibah Ayob, 1984: 11-13).

“Tenggang suka berdagang. Nakhoda Jaya berkaya,” Kamu seorang yang rajin dan suka berdagang. Suatu hari nanti, kamu akan menjadi penggantikmu (Muhibah Ayob, 1984: 18).

Hari demi hari, Tenggang bertambah kaya. Kini, dia memiliki beberapa buah kapal dagang. Rumahnya besar dan cantik. Kawasan rumahnya juga luas. Sungguh berbeza dengan keadaan pondoknya di hutan! (Muhibah Ayob, 1984: 29).

Walaupun Tenggang sudah bergelar Orang Kaya di negeri Puri, dia masih ingat akan ibu dan ayahnya...

Akhirnya setelah lama berfikir, Tenggang bertekad hendak menemui ibu dan ayahnya. Dia menyuruh isterinya bersiap-siap untuk belayar, tetapi dia tidak memberitahu ke mana mereka hendak pergi. Malangnya tanpa diduga oleh Tenggang, ibu dan ayah mertuanya hendak ikut sama. (Muhibah Ayob, 1984: 30).


“Eh, siapa orang-orang hutan ni?” tanya Mengkar Sari, dengan perasaan jijik terhadap Deruma dan Talang. Tenggang sungguh malu melihat keadaan itu. Dengan suara yang lantang, dia mengarahkan anak-anak kapalnya mengangkat sauh dan belayar dari situ (Muhibah Ayob, 1984: 36).

Cuaca yang nyaman itu berubah dengan tiba-tiba. Angin kencang bertiup menderuderu. Awan hitam menyelubungi segenap ruang angkasa. Laut terus bergelora. Kilat sabung-menyabung, diikuti petir membelah bumi. Keadaan itu sungguh mengerikan (Muhibah Ayob, 1984: 38).



Tidak berapa lama kemudiannya, kapal Helang Segara tenggelam perlahan-lahan ke dasar laut yang luas itu (Muhibah Ayob, 1984: 40).

Seterusnya, skema aktansial utama bagi legenda *Si Malin Kundang* adalah seperti berikut:



RAJAH 3: Skema Aktansial Utama Legenda *Si Malin Kundang*

*Si Malin Kundang* secara rangkumannya menceritakan riwayat Malin Kundang (subjek) yang sangat nakal dan lasak (pengirim) sejak kecil lagi. Sungguhpun begitu, ibu bapanya tetap menatangnya sebagai minyak yang penuh. Malin Kundang minat untuk berlayar dan meneroka alam dan bercita-cita untuk berkhidmat sebagai anak kapal (objek). Impiannya termakbul apabila diterima sebagai awak kapal. Lama-kelamaan, hidup Malin Kundang (penerima) bertambah mewah selepas menjadi saudagar raja. Kekayaannya itu membuatkan dirinya bertambah sombong. Pada suatu hari, Malin Kundang teringatkan orang tuanya di kampung halaman dan berkeputusan melawat ibu bapanya. Tibanya di sana, kepulauan Malin Kundang mendapat pengetahuan ibunya dan tanpa membuang masa dia terus bergegas pergi untuk berjumpa dengan anaknya yang amat dirindukan. Malangnya, kehadiran ibunya mengundang malu kepadanya (penghalang). Malin Kundang tidak menghiraukan ibunya lalu mengarahkan anak buahnya untuk mengusir ibunya sendiri. Kesedihan dan kekecewaan ibunya diserahkan kepada Tuhan agar menghukum Malin Kundang yang telah derhaka kepadanya. Tidak lama itu, kapal Malin Kundang karam dan berubah menjadi batu. Fungsi *helper* (penolong) dalam naratif ini tidak diperihalkan memandangkan tiada apa-apa fungsi penolong yang sesuai dimasukkan.

Sehubungan dengan itu, beberapa petikan cerita *Si Malin Kundang* untuk menjelaskan lagi jalan cerita berdasarkan skema aktansial utama dalam Rajah 3.

Orang tuanja sangat sajang pada anak tunggalnja itu. Kadang<sup>2</sup> ber-lebih<sup>2</sup>an. Tetapi Malin Kundang anak nakal. Kelakuannja sangat menjedihkan hati orang tuanja (Dahsinar, 1971: 2).

Suatu hari berkatalah nelajan itu pada anaknja: “Hai Malin, ada sebuah kapal sedang berlabuh dimuara sungai. Nakoda kapalnja mentjari awak kapal. Kamu ingin ikut berlaraj?”

Ja, itu jang disenangi Malin Kundang! Tjita<sup>2</sup>nja terkabul djuga. Alangkah senangnja ia me-lihat<sup>2</sup> negeri orang. Bergaul dengan ber-bagai<sup>2</sup> bangsa, mengetahui adat istiadatnja. Malin Kundang diterima sebagai awak kapal itu. Tal lama kemudian berlarajlah ia ... (Dahsinar, 1971: 3).

Digeri orang ia mudjur. Penghasilannja banjak. Sekarang ia mendjadi saudagar kaja raja. Hidupnja mewah. Rumahnja mendjadi banjak. Hartanja tak terhitung lagi, berlimpah ruah. Ia telah mempunjai kapal<sup>2</sup> sendiri. Dengan kapal miliknja ia berlaraj dari sebuah negeri kenegeri lain.


Karena kajanja, Malin Kundang djadi sombong dan terkebur. Terhadap orang miskin, perasaan iba dan kasihanja tak ada lagi. Ia tak ingat lagi nasibnja di kampung dulu (Dahsinar, 1971: 5).

Pada suatu hari timbul keinginannja hendak melihat kampung halaman jang sekian lama ditinggalkannja. Bagaimanakah dengan kedua orang tuanja? Masih hidupkah? (Dahsinar, 1971: 6).

Kepada orang jang banjak jang mengelilingi kapal itu ia bertanjakan nakonja. Salah seorang tua menundjuk anaknja. Si ibu, meskipun matanja sudah rabun masih mengenali anaknja. Orang tua itu naik kekapal dan ketika ia melihat anaknja segera dipeluknja. Tetapi Malin Kundang malu mengakui perempuan tua itu ibunya karena miskin dan berpakaiannja kotor. Ia, nakoda gagah dan kaja, tak patut beribukan perempuan seorang awak kapalnja: “Usir perempuan tua itu! Mengapa ia datang kemari. Katakan, anaknja tak ada disini.” (Dahsinar, 1971: 8).

... Tak lama kapal itu karam dan semua jang berada dikapal ikut tenggelam. Ombak besar melemparkan kapal itu kedaratan. Disini ia itu berubah djadi batu. Sampai sekarang masih ada terdapat batu itu. Itulah balasan Tuhan jang setimpal (Dahsinar, 1971: 12).

Skema aktansial utama legenda *Nakhoda Manis* dapat disoroti menerusi Rajah 4:



RAJAH 4: Skema Aktansial Utama Legenda *Nakhoda Manis*

Legenda anak derhaka ini berkisarkan riwayat hidup Nakhoda Manis (subjek) yang bercita-cita besar (pengirim) yakni ingin menyambung legasi bapanya sebagai pengembara (objek). Nakhoda Manis lahir daripada keluarga bangsawan dan tinggal bersama ibunya, Dang Ambun selepas ayahnya meninggal dunia. Walaupun hidupnya sudah mencukupi dengan kekayaan perniagaan keluarganya. Dia (penerima) juga mempunyai cita-cita seperti anak muda yang lain. Impiannya untuk berlayar seperti arwah ayahnya diluahkan kepada ibunya. Mahu tidak mahu, Dang Ambun terpaksa merelakan pemergian anak tunggalnya berlayar mengejar impiannya. Tahun demi tahun, Nakhoda Manis masih pulang akhirnya ke kampung halamannya. Namun begitu, keadaan ibunya sudah tidak sama lagi kerana Dang Ambun sudah jatuh miskin selepas melaburkan semua hartanya demi menganjurkan majlis doa selamat buat anaknya bertahun-tahun. Nakhoda Manis sangat terkejut melihatkan keadaan ibunya yang terlalu miskin dan tidak terurus. Dia tidak dapat menerima hakikat ibunya yang sudah miskin (penghalang) apatah lagi di hadapan isteri tercintanya. Dang Ambun terlalu kecewa diperlakukan sebegitu oleh anak kandungnya sendiri lalu berdoa kepada Tuhan agar anaknya dihukum atas perbuatannya itu. Legenda ini juga tidak mempunyai fungsi penolong ekoran tiada hubungan aktan penolong yang mencapai tujuan subjek (Malin Kundang).

Oleh itu, beberapa petikan cerita *Nakhoda Manis* untuk menjelaskan lagi jalan cerita berdasarkan skema aktansial utama di atas.

Cita-cita Manis ingin benar untuk mengikuti perjalanan pemuda-pemuda sebangsanya belayar ke luar negeri untuk mencari pengalaman. Diam di Brunei sahaja pun tidak ada apa yang dapat dibuatnya. Dia berasa dirinya sudah cukup dewasa seperti kawan-kawannya yang lain. “Aku juga mahu mencari pengalaman. Aku mahu mengembara,” kata Manis seorang diri ketika balik dari rumah kawan-

kawannya. “Bapaku dahulu seorang pengembara juga kata ibu. Sekarang darah pengembara itu turun juga kepadaku,” katanya lagi (Haji Leman Ahmad, 1990: 5).

Pada suatu hari, Dang Ambun berdayung-dayung seperti biasa di Sungai Brunei. Tiba-tiba dia melihat sebuah kapal besar dan cantik masuk ke pelabuhan. Kapal itu terus merapat ke tambatan dan berlabuh di situ. Dang Ambun berasa hairan juga, kerana dia tidak pernah melihat kapal yang sebesar itu dan cantik pula ...  
“Itulah kapal Nakhoda Manis,” kata mereka. “Lebih dua puluh tahun dia dan kawan-kawannya meninggalkan Brunei ini, sekarang mereka sudah balik.” “Apa? Manis? Manis sudah balik?” tanya Dang Ambun dengan terperanjat. “Ya,” kata orang ramai (Haji Leman Ahmad, 1990: 11-12).

Nakhoda Manis tiba-tiba menjadi terperanjat apabila melihat seorang perempuan tua hodoh, berpakaian buruk dan bertambal-tambal pula itu. Dang Ambun melambai-lambai hendak naik ke kapal itu sambil menyebut-nyebut, “Manis, Manis, aku bondamu, berilah aku naik ke kapal ini.”  
Isteri Nakhoda Manis hairan melihat kelakuan Dang Ambun. Belum pun sempat dia bertanya kepada Nakhoda Manis siapakah perempuan tua itu, Nakhoda Manis sudah pun menyuruh anak buah kapalnya menolak jumpung Dang Ambun. “Tolak jauh-jauh, tolak,” kata Nakhoda Manis.

Dia berasa malu kepada isterinya. Dia pernah mengatakan kepada isterinya, bahawa ibunya seorang hartawan dan bukan seperti perempuan tua hodoh dan miskin itu. “Manis, aku bondamu yang telah menjadi papa kedana kerana berkorban untuk mendoakan keselamatanmu,” jerit Dang Ambun dari jumpungnya. “Tidakkah kau kenal lagi akan bonda? Tidakkah kau mahu mengaku lagi bonda yang melahirkan kau ini sebagai bondamu?” “Tolak, tolak sahaja perempuan gila itu,” kata Nakhoda Manis. Dalam hatinya berkata-kata, “Dia ibuku, tetapi kenapa dia menjadi begitu? Ah, aku malu.” (Haji Leman Ahmad, 1990: 14).

... Tetapi apa hendak dikata, kuasa dan kehendak Tuhan telah berlaku; tidak dapat ditahan-tahan lagi. Apabila hujan telah reda, Nakhoda Manis serta isteri dan anak buah kapalnya semuanya menjadi batu (Haji Leman Ahmad, 1990: 17).

Ketiga-tiga Skema Aktansial Utama memperlihatkan fungsi aktan setiap satunya menghubungkan jalan cerita sehingga tamat. Selanjutnya, makalah akan menampilkan persamaan dan perbezaan struktur cerita legenda anak derhaka berpandukan Rajah 5. Pembikinan rajah di bawah adalah untuk memudahkan khalayak memahaminya lebih jelas. Setelah diteliti setiap satu, legenda bertema anak derhaka ini mempunyai persamaan dan perbezaan yang menjadi ciri yang wajar dibincangkan.

RAJAH 5. Persamaan & Perbezaan Struktur Cerita Legenda Anak Derhaka

Perkara	Wawasan Hidup	Persamaan		Tempoh	Pengakhiran Hidup
		Pekerjaan	Keberhasilan Mencapai Impian		
<b>Cerita Legenda</b>					
<i>Si Tenggang</i>	Sejak kecil sudah bercita-cita untuk merantau di negeri orang. Tenggang meluahkan keinginannya dengan mencipta sebuah perahu.	Bermula sebagai anak kapal kemudian lama kelamaan berjaya menggalas jawatan penting dalam kapal sehinggalah menjadi Nakhoda Kapal bapa angkatnya.	Berhasil mengubah nasib hidupnya dengan usaha kerasnya.	10 tahun meninggalkan ibu bapa dan kampung halamannya.	Tenggelam dalam laut bersama dengan Kapal Helang Segara.
<i>Si Malin Kundang</i>	Sejak kecil sudah bercita-cita untuk merantau di negeri orang. Malin ingin bergaul dengan manusia pelbagai bangsa di samping mempelajari adat istiadat.	Bermula sebagai awak kapal (anak kapal). Kemudian, statusnya berubah selepas menjadi saudagar yang kaya raya.	Hasrat untuk merantau di negara orang sudah tercapai namun hasratnya yang selebihnya tidak diceritakan. Sebaliknya berubah menjadi manusia yang paling sombong.	Tidak dinyatakan secara langsung. Cumanya, Malin meninggalkan kampung halaman saat ibu bapanya masih hidup. Malin datang semula ke kampung halaman dan ketika itu hanya ibunya sahaja yang hidup. Saat itu juga, keadaan ibunya sudah tidak sekuat masa dia awal-awal tinggalkan kampung.	Karam bersama kapal dagangnya. Kemudian kapalnya berubah menjadi batu terdampar di sebuah daratan.

<i>Nakhoda Manis</i>	Nakhoda ingin mengikuti jejak langkah arwah ayahnya. Dia juga ingin berdamping anak-anak kapal untuk menimba pengalaman di negara orang.	Tidak diceritakan dengan khusus namun Nakhoda Manis pulang semula ke tanah airnya sebagai nakhoda kapal.	Tidak diceritakan dengan jelas bagaimana impian Nakhoda Manis tercapai. Cumanya dia berjaya membawa isterinya ke kampung halamannya untuk diperkenalkan kepada ibunya. Itulah yang dirancang pada mulanya menjejakkan kaki ke kampung halamannya.	Diceritakan yang Nakhoda Manis telah pergi meninggalkan kampung halamannya lebih 25 tahun.	Nakhoda Manis dan seisi kapalnya tenggelam. Kapal tersebut disumpah menjadi sebuah batu yang digelar Jong Batu.
----------------------	--	--	---	--	---

<b>Cerita</b>	<b>Perbezaan</b>			
	<b>Perkara</b>	<b>Proses Mendapat Pekerjaan</b>	<b>Kehidupan Berkeluarga</b>	<b>Kejelasan Jalan Cerita</b>
<i>Si Tenggang</i>		Diculik kemudian diarahkan kerja sebagai anak kapal.	Tinggal bersama ibu (Deruma) dan ayahnya (Talang) di dalam hutan secara nomad.	Perjalanan hidup Tenggang diperihalkan dengan jelas. Bermula sebagai anak muda yang hidup nomad sehingga dia berjaya mengecapi impiannya untuk hidup senang.
<i>Si Malin Kundang</i>		Mendapatkan pekerjaan impiannya menerusi ajakan rakan-rakannya. Malin Kundang menerima latihan awal terlebih dahulu sebelum disahkan secara rasmi awak kapal.	Dibesarkan oleh ibu bapanya di sebuah perkampungan nelayan. Namun begitu, keperihalan mengenai bapanya tidak diceritakan secara rinci sebagaimana ibunya.	Riwayat hidup Malin Kundang diperihalkan agak ringkas dan langsung. Pengalamannya sebagai awak kapal dan nakhoda kapal juga tidak diceritakan secara rinci. Cukup menyatakan

<i>Nakhoda Manis</i>	Darah pelayar mengalir dalam diri Nakhoda Manis ditambah pula dengan faktor sekeliling yang membuatnya bertambah tekad.	Membesar sebagai anak tunggal yang telah kematian ayahnya sejak kecil. Ibunya yang menjaga segala keperluannya dengan harta peninggalan arwah ayahnya.	kekayaan yang dimilikinya dan sifatnya yang angkuh sahaja. Perjalanan cerita ini sepenuhnya terletak atas watak Ibunya. Keseluruhan cerita ini digerakkan oleh ibunya yang setia menanti kepulangan anaknya. Sedangkan keperihalannya watak Nakhoda Manis tidak dijadikan tumpuan bagi versi Haji Leman Ahmad.
----------------------	---	--	--

---

Legenda-legenda anak derhaka yang popular ini secara holistiknya memerihalkan perjalanan hidup anak muda yang berjiwa besar. Tenggang dan Malin Kundang datang dari keluarga yang susah tidak sama seperti Nakhoda Manis yang dilahirkan dalam keluarga bangsawan. Tenggang, Malin Kundang, dan Nakhoda Manis remaja yang bercita-cita besar kerana ketiga-tiga watak utama ini minat untuk berdagang dan berlayar mengelilingi dunia. Kegigihan dan kerajinan mereka yang ditonjolkan membuatkan nakhoda kapal setiap versi tertarik untuk melantik mereka sebagai pengganti nakhoda kapal kelak. Berkat usaha keras mereka bertiga menjalankan tanggungjawab sebagai anak kapal, nasib hidup mereka bertambah baik dan mewah kerana mereka dinaikkan pangkat daripada pekerja bawahan kepada pengurus kapal atau nama lainnya nakhoda kapal.

Pada masa itulah, mereka diuji apabila semua watak utama dalam legenda ini bertekad untuk melawat kampung halaman mereka pada dasarnya rindu akan keluarga di kampung halaman. Namun begitu, rindu yang teramat tersebut lenyap sekelip mata apabila keegoan mengatasi segalanya. Tergamak Tenggang, Malin Kundang, dan Nakhoda Manis menidakkan kewujudan ibu apatah lagi sanggup mengusir ibu yang telah melahirkan mereka bertiga. Keangkuhan tersebut terus dibalas sejurus ketiga-tiga watak utama meninggalkan kampung halaman mereka. Bersaksikan kapal yang mereka megahkan, dalam sekelip mata sahaja seluruh anak kapal termasuk anak derhaka itu menerima sumpahan daripada Tuhan yang mendengar rintihan seorang ibu. Secara rangkumannya, ketiga-tiga legenda ini digerakkan oleh watak utama setiap versi kemudian diakhiri dengan tindakan ketiga-tiga watak utama itu juga.

### **CITRA IBU DALAM LEGENDA *SI TENGGANG*, *SI MALIN KUNDANG*, DAN *NAKHODA MANIS***

Seterusnya, bahagian ini akan membincangkan citra ibu dalam legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. Setelah meneliti ketiga-tiga legenda anak derhaka ini, kemunculan watak ibu boleh diangkat sebagai watak yang memainkan peranan penting dalam legenda ini. Umum sedia maklum betapa tingginya kedudukan ibu dalam agama

Islam khususnya. Menurut Syamsuddin Noor (2015: 29-30), dalam bukunya yang bertajuk *Dahsyatnya Doa Ibu*, Allah SWT sangat menitikberatkan kewajipan berjasa terhadap ibu termasuklah bapa yang telah membesarkan anak. Hal ini juga dinyatakan dalam surah Luqman, ayat 14 yang bermaksud:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan) (Al-Quran, Surah al-Ahzab 31: 14).

Berdasarkan maksud ayat 14 surah Luqman, ada memerihalkan kepayahan yang ditanggung ibu khususnya dalam membesarkan anak-anaknya. Kecekanan ibu ini juga dapat digambarkan menerusi citra ibu yang sedang diperbincangkan khususnya citra ibu dalam legenda anak derhaka ini. Sehubungan dengan itu, terdapat dua citra ibu yang ditonjolkan menerusi legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis* iaitu ibu sebagai pasrah dengan ketentuan Tuhan dan wanita yang paling setia. Daripada dua citra yang diteliti, makalah bakal memerihalkan ketabahan seorang ibu berhadapan dengan anak kandung yang tidak mengakuinya selayaknya. Tindakan kejam itu lazimnya digelar sebagai anak derhaka.

### **Pasrah dengan Ketentuan**

Citra yang pertama ialah pasrah dengan ketentuan Tuhan. Umat Islam wajib beriman dengan rukun iman dan satu daripadanya adalah beriman dengan Qada' dan Qadar Allah. Qada' bermaksud hukum atau ketetapan manakala Qadar pula ialah takdir. Dalam subtopik ini akan menjurus kepada takdir atau ketentuan yang telah diaturkan oleh Allah. Oleh itu, citra ibu yang pasrah dengan ketentuan dapat dilihat pada legenda *Si Tenggang*, *Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*.

Watak Deruma selaku ibu kandung Tenggang ada menampilkan beberapa tindakannya yang pasrah dengan ketentuan. Disebabkan status Tenggang yang telah berubah daripada miskin kepada kaya menyebabkan dia malu menganggap Deruma sebagai ibu kandungnya. Perhatikan pemakaian Deruma seperti orang hutan membuatkan dia bertambah malu untuk membalas sapaan ibunya. Betapa kecewanya Deruma setelah diperlakukan sebegitu. Penantiannya yang selama ini langsung tidak membuahkan hasil bahkan diperlakukan sebegitu hina pada mata anak kandungnya. Petikan di bawah akan menjelaskan lebih rinci bagaimana Deruma berhadapan dengan anaknya.

“Eh, siapa orang-orang hutan ni?” tanya Mengkar Sari, dengan perasaan jijik terhadap Deruma dan Talang. Tenggang sungguh malu melihat keadaan itu. Dengan suara lantang. Dia mengarahkan anak-anak kapalnya mengangkat sauh dan berlayar dari situ. Deruma menangis. Hatinya begitu pilu melihat perbuatan Tenggang. Talang pula bersiap sedia hendak pergi dari situ (Muhibah Ayob, 1984: 36).



“Deruma, marilah kita balik,” Talang mengajak isterinya dengan sayu. “Talang, Tenggang tidak ingatkan ibunya lagi,” kata Deruma dengan air matanya berlinang. Talang dan Deruma pun mendayung balik ke hutan dengan perasaan kecewa (Muhibah Ayob, 1984: 37).

Watak ibu dalam legenda Malin Kundang juga ada menampilkan imej yang reda dengan takdir hidupnya dan anaknya yang tidak mengakuinya sebagai ibu kandung. Tindakan Malin Kundang demikian itu menyebabkan Ibunya menyerahkan segalanya kepada Tuhan agar anaknya dihukum selayaknya. Oleh itu, imej kepasrahan ibu pada takdir-Nya dapat difahami lebih jelas pada petikan di bawah.

Perempuan tua itu melihat berputus asa pada Malin Kundang dan berkata: “Ja Tuhan, hukumlah anak jang durhaka ini!” (Dahsinar, 1971: 9).

Seterusnya, Dang Ambun juga mengalami insiden diusir oleh anak kandungnya setelah dia berkorban segalanya demi anak tercintanya. Kesedihannya diserahkan kepada Allah apabila dia sudah tidak terdaya menyedarkan anaknya daripada kesalahannya itu. Rintihan Dang Ambun dapat disoroti pada petikan berikut.

Ketika itulah Nakhoda Manis baru sedar yang dia telah berdosa kepada ibunya yang tidak bersalah itu. Dan ketika itulah dia memerlukan pertolongan ibunya, tetapi segala-galanya sudah terlambat. Dang Ambun ketika itu masih menangis sambil memohon supaya Tuhan memberikan balasan yang setimpal dengan perbuatan anaknya yang derhaka itu (Haji Leman Ahmad, 1990: 16-17).

Imej ibu yang pasrah dengan ketentuan Tuhan jelas diceritakan bagi legenda anak derhaka versi Malaysia, Indonesia dan Brunei. Kesemua watak ibu legenda ini jelas sangat terkesan dan kecewa dengan tindakan anak kandung mereka. Runtun jiwa seorang ibu apabila anak yang ditatang bagai minyak yang penuh akhirnya tidak mengakui mereka seadanya. Setelah tidak berdaya lagi, kedua-dua watak ibu bagi versi menyerahkan segalanya kepada Allah dengan berdoa agar anak mereka diberikan hukuman selayaknya. Syamsuddin Noor (2015: 22) menjelaskan terdapat beberapa golongan yang doanya tiada hijab iaitu doa orang tua untuk anaknya. Maka tidak hairanlah jika doa mereka dikabulkan sejurus sahaja berserah takdir kepada Allah. Hal ini juga dibincangkan secara ringkas dalam risalah Harian Metro. Pengarang juga berpesan dalam risalahnya agar sentiasa mencari keredaan ibu bapa. Keredaan mereka merupakan kunci kebahagiaan anak-anak.

### **Wanita Paling Setia**

Citra yang seterusnya ialah imej wanita yang paling setia menanti kepulangan anak kesayangannya. Baru-baru ini, seorang ibu setia menanti anak bongsunya yang dikhabarkan lemas sungai dibawa arus. Walaupun peluang menemukan kembali sangat tipis, ibunya tetap berdoa dan setia menunggu kepulangan anaknya yang tercinta itu. Situasi yang sama juga berlaku pada semua watak ibu bagi ketiga-tiga legenda pendosa ini.

Berdasarkan kisah *Si Tenggang*, penantiannya amatlah ditunggu-tunggu apatah lagi pemergiannya hilang tanpa berita menyebabkan Deruma dan Talang sangat

merindukannya. Setelah beberapa tahun lamanya, Tenggang akhirnya berkeputusan untuk melawat kampung halamannya. Alangkah gembiranya Deruma selepas mendengar khabar mengenai kepulangan anaknya yang sudah sedekad lamanya meninggalkan ibunya. Oleh itu, kegembiraan Deruma setelah 10 tahun menanti dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

“Mak Cik Deruma, mak cik!” teriak Akoi. “Ada kapal besar berlabuh di kuala. Agaknya Tenggang dah balik.” Wajah Deruma berubah dengan serta-merta. Selama sepuluh tahun dia hidup berdukacita. Setiap hari dia asyik merindui anak tunggalnya itu. Dia seolah-olah tidak percaya Tenggang balik hendak bertemu dengannya. “Mungkinkah Tenggang masih ingatkan kita lagi, Deruma?” tanya Talang, suaminya, tidak percaya. “Tentu Tenggang masih ingatkan kita,” jawab Deruma dengan gembira. “Tenggang anak kita. Mari kita pergi ke kapal itu!” (Muhibah Ayob, 1984: 33).

Menerusi legenda *Si Malin Kundang*, citra ibu yang setia juga dapat diteliti selepas Ibu Malin Kundang mendapat khabar kepulangan Malin Kundang. Gembiranya tidak terkata bahkan dia juga membawa bungkusan nasi buat anaknya. Malang sekali, Malin Kundang tidak mengakui keberadaan ibunya bahkan sanggup menghalaunya. Sungguhpun begitu, ibunya sanggup menjenguk semula anaknya di pelabuhan dengan harapan anaknya sedar akan kesilapannya. Kegembiraan ibunya mendapat khabar dapat dijelaskan lagi menerusi petikan di bawah.

Seorang bapak jang telah landjut usianja berdjalan tjepat<sup>2</sup> menudju rumah ibu si Malin Kundang. “Ibu,” katanja dengan ter-engah<sup>2</sup>. “Anakmu telah kembali pulang Sekarang ia sudah kaja, punja kapal bagus sekali. Pergilah kau lihat anakmu!”

Perempuan itu menangis kegirangan. Dengan membawa bakul berisikan nasi bergegas ia berangkat menudju kepelabuhan. Anaknja jang selama ini di-harap<sup>2</sup>kannja sekarang datang (Dahsinar, 1971:7).

Ibunja tak lekas<sup>2</sup> putus asa. Keesokan harinja ia kembali lagi. Ia mengharap anaknja sadar. Mungkin djuga Malin Kundang salah lihat, maka lupa padanja. Tetapi ia diusir iagi. Untuk ketiga kalinja ibu tua itu mentjoba pula. Sekali ini Malin Kundang sendiri mengusirnja. “Pergi dari sini!” serunja. “Apa jang kau inginkan dari aku? Aku tak kenal kamu.” (Dahsinar, 1971:9).

Sementara dalam kisah *Nakhoda Manis*, bentuk kesetiaan yang diceritakan juga boleh dikatakan paling banyak berkorban daripada segi harta. Hidup Dang Ambun dan anaknya sangat mewah kerana arwah suaminya mempunyai perniagaan serta dikenali sebagai keluarga bangsawan. Selepas pemergian Nakhoda Manis, Dang Ambun telah menghabiskan hampir semua hartanya untuk menganjurkan majlis doa selamat setiap malam Jumaat. Majlis tersebut telah berlangsung tahun demi tahun menyebabkan hartanya habis begitu sahaja. Pengorbanan Dang Ambun yang boleh dianggap sebagai citra ibu yang setia dapat disoroti bersama pada petikan berikut.

Tiap-tiap malam Jumaat, Dang Ambun mengadakan kenduri di tiap-tiap masjid. Minggu berganti minggu, bulan berganti bulan, tahun berganti tahun, Manis yang ditunggu-tunggu belum juga pulang. Entah bagaimana keadaan Manis, entah di mana tempatnya. Dang Ambun tetap berkorban seperti biasa mengadakan kenduri di tiap-tiap masjid. Sebuah demi sebuah gedungnya dijual untuk belanja mengadakan kenduri. Keadaan diri Dang Ambun pun tidak lagi terurus sehingga dia jatuh sakit. Ketika dia sakit, berbulan-bulan lamanya dia terus menyuruh orang mengadakan kenduri. Akhirnya kapal-kapalnya di laut itu pun terpaksa dijual untuk belanja mengadakan kenduri dan belanja mengubati dirinya (Haji Leman Ahmad, 1990: 8).

...Sanak saudaranya menasihatkan, “Tak usah difikirkan sangat Manis itu, Dang Ambun, dia tetap selamat.” “Kamu semua mana tahu perasaanku. Kamu mana ada anak-anak yang mengembara macam Manis,” jawab Dang Ambun sambil menangis (Haji Leman Ahmad, 1990: 9).

Betapa pun penderitaannya, iman Dang Ambun tetap kuat, segala-galanya dihadapinya dengan sabar. “Ya Allah ya Tuhanku Yang Maha Berkuasa...” Dang Ambun berdoa setiap kali selepas sembahyang, katanya lagi, “Sebelum aku mati, Engkau izinkanlah aku melihat wajah anakku Manis... walaupun hanya sekejap, hatiku ini tersangat rindu!” (Haji Leman Ahmad, 1990: 11).

Penelitian terhadap citra ibu yang terakhir ini juga merupakan antara citra ibu yang signifikan dan memberi kesan kepada khalayak. Penantian kepulangan anak merupakan suatu penyiksaan jiwa bagi ibu bapa khususnya ibu. Terutamanya pada zaman tersebut ketiadaan teknologi yang dapat berkomunikasi secara jauh menyebabkan penantiannya bertambah perit. Walaupun keadaan mereka tidak terurus dan ada juga yang jatuh sakit, mereka sedikit pun tidak menghiraukan dirinya kerana anak adalah keutamaan mereka. Malangnya, penantian yang bertahun-tahun lebur begitu sahaja selepas anak mereka tidak menerima dan mengakui mereka selaku ibu kandung hanya kerana keadaan mereka yang miskin dan kotor.

Penelitian objektif kedua mendapati citra ibu yang signifikan dalam legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis* ialah citra ibu yang pasrah dengan ketentuan-Nya dan ibu yang paling setia. Sedar atau tidak sedar, insan yang bergelar ibu inilah yang paling banyak berjasa dan paling penting dalam hidup anak-anak. Keberadaan mereka tidak dapat dinafikan kerana Allah sentiasa bersama insan yang bernama ibu bahkan sekalian alam bersamanya. Hadis al-Bukhari dan Muslim ada menerangkan kedudukan ibu yang tiga kali ganda lebih utama daripada ayah.

Abu Hurairah berkata, “Seseorang menemui Nabi Muhammad SAW dan bertanya, “Ya, Rasulullah, siapakah orang yang paling berhak aku patuhi? Nabi menjawab, ‘Ibumu’. Orang itu bertanya lagi, “Selepas itu, siapa pula? Nabi menjawab, ‘Ibumu’. Orang itu terus bertanya, kemudian, siapa lagi?” Buat kali ketiga, Nabi Muhammad SAW menjawab, ‘Ibumu’. Orang itu bertanya lagi, “Kemudian, siapa pula?” Nabi menjawab, ‘Bapamu’.”

Hadis di atas jelas mengangkat kedudukan ibu lebih utama ayah. Demikianlah, perbincangan mengenai citra ibu menerusi legenda anak derhaka.

### **KESIMPULAN**

Legenda anak derhaka dalam tiga versi cerita rakyat; *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis* mempunyai struktur naratologi yang hampir sama di samping citra ibu yang turut memberi impak kepada struktur cerita sepenuhnya. Perjalanan si anak derhaka legenda ini dicatatkan sebagai seorang anak muda yang berjiwa besar yang mendambakan pekerjaan sebagai anak kapal. Masing-masing menginginkan pengalaman berlayar, menjelajahi negara orang untuk mengubah nasib keluarga atau meneruskan legasi bapa mereka sebelum ini. Di pertengahan cerita, mereka dikurniakan dengan kemewahan, kemegahan pangkat, dan isteri daripada keturunan berada. Kebahagiaan yang diterima tidak bertahan lama apabila dihukum Tuhan apabila mereka sanggup menderhakai ibu mereka. Menariknya, setelah diteliti hakikatnya ketiga-tiga watak merindui keluarga mereka di kampung halaman namun kerinduan yang dipendam selama ini lesap begitu sahaja selepas dikuasai oleh keegoan mereka selaku golongan berada.

Seterusnya, citra ibu yang berjaya diperoleh menerusi tiga legenda popular ini ialah sebagai ketua keluarga, pegangan agama mantap, pasrah dengan ketentuan, dan wanita paling setia. Penceritaan watak ibu dalam ketiga-tiga legenda ini tidak dominan tetapi impaknya sangat memberi kesan sehingga ke hari ini. Ketiga-tiga anak derhaka ini menerima hukuman sejourus sahaja mengecewakan ibu mereka. Peristiwa sedemikian ingin membuktikan betapa tinggi dan mulianya kedudukan seorang ibu di sisi Tuhan. Sumpahan yang dikenakan terhadap anak-anak derhaka ini adalah sebagai amaran keras bahawa insan yang bergelar ibu wajib ditaati.

### **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali. 2011. Sajak “Pulang Si Tenggang” dalam Perspektif Historisisme Baru. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 1-17.
- Ahmad Shidqi Kamil Basili. 2015. Struktur Naratif Dongeng *Shuten Douji* dalam *Kumpulan Cerpen Sekai Douwa Bungaku Zenshuu* (Melalui Pendekatan Teori Strukturalisme Naratologi A. J. Greimas). Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan. Universitas Padjadjaran.
- Aulia Sari Torodji. 2018. Perbandingan Struktur Cerita Dongeng Indonesia *Bawang Merah dan Bawang Putih* dengan Dongeng Jepang *Komebukuro Awabukuro*. Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan. Universitas Diponegoro.
- Dahsinar. 1971. *Si Malin Kundang*. Djakarta: Balai Pustaka.
- Haji Leman Ahmad. 1990. *Nakhoda Manis*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei & Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.
- Madiawati Mamat@Mustaffa & Arbaie Sujud. 2009. Transformasi Medium dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia dalam *Cerita Unggas*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20: 164.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohamad Amiro Safwan Mohd Kamil. (Peny.). 2014. *Al-Quran Al-Karim (Nabawi Tafsir Bil Hadis)*. Selangor: Karya Bestari.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin. 2021. Cerita Rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* Versi Malaysia dan Indonesia: Perbandingan Latar Budaya dan Struktur Naratologi. Latihan Ilmiah. Tidak Diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. 2021. Polemik dalam Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan Moral kepada Kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 20(2), 194-212.
- Muhd Norizam Jamian & Nursyaza Ilyana Shahrudin. 2020. Kepimpinan Wanita dalam Novel *Matriark* Karya Samsiah Mohd. Nor. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember, 530-547.
- Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. 2019. Kebijaksanaan Adab dalam Hikayat Melayu Tradisional. *Akademika*, 89 (Isu Khas), 81-91.
- Muhibah Ayob. 1984. *Si Tenggang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Permatasari, Novita Diana. 2009. *Analisis Novel Out Karya Natsuo Kirino Ditinjau dari Skema Aktan dan Model Fungsional Greimas*. Jakarta: BINUS.
- Ratna, Nyoman Kutha. 2004. *Teori, Metode, dan Teknik Penelitian Sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Susanto, Dwi. 2011. *Pengantar Teori Sastra*. Yogyakarta: Caps.
- Syamsuddin Noor. 2015. *Dahsyatnya Doa Ibu*. Selangor: PTS Publishing House.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan. 2021. Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*, 20(2), 230-246.
- Zalila Sharif, Jamilah Ahmad & Mariyam Salim (Peny.). 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Biodata Penulis:**

**Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin** adalah pelajar Sarjana Falsafah Program Kesusasteraan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang tumpuan beliau ialah kesusasteraan Melayu tradisional khususnya Folklor Melayu.

**Muhd Norizam Jamian** adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kesusasteraan Melayu tradisional khususnya perundangan dan ketatanegaraan Melayu.